



MAPS MALAYSIA
(Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia)
Lembaga Arkitek Malaysia

Nota Khas MAPS #4-2020:

Pengajaran dan Pembelajaran Studio Rekabentuk dalam Tempoh Pasca-PKP bagi Program Pengajian Senibina dan Rekabentuk Dalaman

1.0 TUJUAN

- 1.1 Nota Khas #4-2020 daripada MAPS Malaysia (atau 'MAPS') ini bertujuan memberikan **arahan dan panduan wajib** kepada Pemberi Pengajian Tinggi Senibina (PPS) dan Pemberi Pengajian Tinggi Rekabentuk Dalaman (PPD) pada sepanjang tempoh pasca-Perintah Kawalan Pergerakan (pasca-PKP) khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) **Studio Rekabentuk** (*Design Studio*) serta usaha PPS/PPD ke arah melindungi dan mengekalkan kelulusan program dan akreditasi yang ditauliahkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM).
- 1.2 Nota Khas MAPS #4-2020 ini dikeluarkan sejajar dan selaras dengan Kenyataan Media yang diterbitkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 27 Mei 2020.
- 1.3 **Kegagalan PPS/PPD mematuhi arahan dan panduan wajib yang terkandung dalam Nota Khas MAPS #4-2020 ini akan mendedahkan program dibawah kendaliannya kepada risiko akreditasi dan pengiktirafan yang diterima daripada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) digantung dan ditarik balik.**

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak Kerajaan menerusi pelbagai agensi penguatkuasanya telah mengumumkan beberapa siri perintah sekatan dan kawalan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Diperketatkan (PKPD), dan PKP Bersyarat (PKPB) dalam usaha mengawal pergerakan dan meluaskan pelaksanaan penjarakan sosial dalam kalangan masyarakat.
- 2.2 Setiap PKP, PKPD dan PKPB dikuatkuasakan dengan mengambil kira pelbagai aspek kepentingan rakyat dan negara setelah pelbagai input dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi, sosial, dan seumpamanya dipertimbangkan secara holistik.
- 2.3 Selain membenarkan sektor perkhidmatan perlu (*essential services*) tempoh PKPB ini memberikan kelonggaran kepada beberapa sektor ekonomi dan

perkhidmatan terpilih untuk beroperasi dengan dikenakan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

- 2.4 Prinsip asas kepada SOP semasa tempoh PKPB adalah patuh kepada penjarakan sosial, memastikan tempat telah dinyah-kuman terlebih dahulu, sentiasa menjaga kebersihan diri, dan memudahkan penjejakan kontak (*contact tracing*) dilakukan. Manakala rakyat turut dipesan supaya mengelakkan diri dari 3C iaitu tempat kerumunan (*crowded places*), ruang terkedap (*confined space*), dan berbual rapat (*close conversation*).
- 2.5 Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) menerusi suratnya bertarikh 27 April 2020 mengeluarkan langkah-langkah dan tindakan sewajarnya bagi tujuan pelaksanaan PdP secara bersemuka di UA/IPT. Lanjutan dari itu, JPT juga turut mengeluarkan Soalan Lazim (FAQ) pada 7 Mei 2020 berbentuk pernyataan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa tempoh PKPB.
- 2.6 Penggunaan kaedah dalam talian bagi semua urusan PdP sejak 18 Mac 2020 sehinggalah ke penghujung Disember 2020 adalah satu tempoh pembelajaran tidak bersemuka yang sangat panjang. Lebih lama program pengajian **Senibina** (*Architecture*) dan **Rekabentuk Dalaman** (*Interior Design*) terdedah kepada keadaan pembelajaran tidak bersemuka maka akan lebih banyak kemudaratan boleh berlaku ke atas pembelajaran pelajar khususnya dalam hal yang membabitkan Studio Rekabentuk.
- 2.7 Kriteria 2 dan 3 masing-masing di bawah tajuk *Curriculum Design and Delivery* dan *Assessment of Students* dalam *Manual of Accreditation for Architecture Programme* (MAAP, 2013) dan *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* (PAID, 2019) dan keutamaan khusus bagi kursus Studio Rekabentuk seperti yang dinyatakan dalam subseksyen 4.4.3 adalah jelas dalam menegaskan kepentingan PdP Studio Rekabentuk.

3.0 KAWALAN KUALITI PROGRAM BER-AKREDITASI

Adalah mandatori bagi semua program senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan dan diakreditasi oleh LAM mematuhi dan memenuhi kehendak dan kualiti program. Teras kepada jaminan kualiti program ini dikawal oleh tiga 3 tonggak utama iaitu Atribut Graduan (MAAP, 2013: 80-1; PAID, 2019: 70), Keperluan Pengetahuan dan Kemahiran Senibina dan Rekabentuk Dalaman (MAAP, 2013: 76-9; PAID, 2019: 67-9), serta Integrasi Kurikulum dan Skala Kompleksiti Studio (MAAP, 2013: 82-4; PAID, 2019: 71-3).

Dalam konteks yang dinyatakan dalam perkara 2.0 di atas, perkara 3.0 ini menggariskan beberapa tindakan, penegasan dan ketetapan ke atas pelaksanaan PdP Studio Rekabentuk bagi semua program pengajian Senibina dan Rekabentuk Dalaman.

3.1 Studio Rekabentuk sebagai Teras Pedagogi

- 3.1.1 Mana-mana institusi pengajian tinggi di dunia yang ada menawarkan program pengajian dalam bidang senibina dan rekabentuk dalaman pasti membahagikan kandungan kurikulumnya kepada dua kelompok asas iaitu kursus bukan-rekabentuk (*non-design courses*) dan kursus rekabentuk (*design courses*). Kursus rekabentuk adalah nadi, teras, dan tunjang kepada pengajian senibina dan rekabentuk dalaman. Kursus rekabentuk dilaksanakan pada setiap semester di sepanjang tempoh

pengajian menggunakan pedagogi pembelajaran dalam studio (*design studio*). Kandungan pembelajaran studio bersifat bersepadu (*integrated*), mara dan maju secara berterusan (*progressive*), dan menokok (*incremental*).

- 3.1.2 Perkara 3.1 dalam Nota Khas MAPS #1-2020 ada menjelaskan bahawa: *'studio' merujuk kepada pedagogi pembelajaran bertunjangkan kepada pelajar yang dipacu masalah berlandaskan projek (project-based problem), yang kerapnya dibangunkan dari sesuatu keadaan berasaskan masalah, cabaran, atau isu (issue- or problem-based condition) sebagai medium untuk pengajian rekabentuk di mana aktiviti seperti kuliah input, kajian teladan, ceramah, perbincangan, sesi kritik antara pensyarah dan pelajar di meja, sesi pembentangan dan kritik untuk tujuan perkongsian pembelajaran, semakan portfolio, pameran, lawatan tapak dan kajian, sesi persembahan akhir, dan penilaian dilaksanakan. Studio dalam ertikata fizikalnya turut merujuk atau difahami sebagai sebuah ruang studio yang diperuntukkan khusus untuk menampung aktiviti yang dinyatakan di atas termasuk menyediakan ruang kerja individu khusus untuk para pelajar dan staf akademik. Sekiranya atau bila ianya diperlukan, waktu operasi sesebuah studio bolehlah dijalankan untuk tempoh 24 jam dalam sehari (Sumber: Manual of Accreditation for Architecture Programme (MAAP, 2013: 7) dan Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme (PAID, 2019: 8)).*
- 3.1.3 Dalam konteks subperkara 3.1.2 di atas, pembelajaran studio rekabentuk (juga dirujuk atau disebut sebagai 'studio rekabentuk' atau 'studio senibina' atau 'studio rekabentuk dalaman') bersandarkan kepada pedagogi pembelajaran rentas (*cross learning*) dan pembelajaran sesama pelajar (*peer learning*) yang dipasakkan di bawah penerajuan pensyarah studio berkenaan.
- 3.1.4 Pendekatan menggunakan tema, isu, cabaran, atau masalah yang diketengahkan oleh pensyarah studio berkenaan akan menjadi tujahan pengemblengan pemikiran kreatif dan kritis yang kerapnya digarap menerusi suasana pembelajaran yang kolektif (sepakat), kolaboratif (muafakat), dan kompetitif (berdaya saing).
- 3.1.5 Secara logikalnya, taksonomi Bloom pembelajaran bagi Studio Rekabentuk kerap melibatkan aras tinggi iaitu penganalisan (*analysis*), sintesis (*synthesis*), dan penilaian (*evaluation*) kerana tugas merekabentuk itu sentiasa berkehendakkan kepada dan berlegar sekitar proses pemikiran dan penghasilan yang sedemikian.
- 3.1.6 Sebagai teras dan tunjang pedagogi pembelajaran studio rekabentuk bagi senibina dan rekabentuk dalaman adalah wajar dikawal kadaran antara jam pembelajaran berpandu (*guided learning time*) (GLT) dan jam pembelajaran sendiri (*independent learning time*) (ILT) dalam keseluruhan konteks jumlah jam pembelajaran pelajar (*student learning time*) (SLT). GLT turut merangkumi pembelajaran bersemuka (F2F) dan tidak bersemuka (nF2F). Sedia dimaklumi oleh PPS/PPD bahawa dalam GLT aktiviti F2F kerapkalinya lebih mendominasi berbanding nF2F. Pada masa yang sama jumlah GLT bagi variasi studio yang lebih intensif boleh menjadikan keseluruhan GLT itu sebagai 'jam kontak' (*contact hours*).

- 3.1.7 Lanjutan dari subperkara 3.1.6, bagi program peringkat prasiswazah (untuk program Sarjana Muda Sains Senibina - LAM Bahagian I dan Sarjana Muda Rekabentuk Dalaman), jumlah GLT mestilah ditetapkan tidak kurang dari 60% jumlah SLT studio rekabentuk.
- 3.1.8 Lanjutan dari subperkara 3.1.6, bagi program peringkat pascasiswazah (LAM Bahagian II), jumlah GLT mestilah ditetapkan tidak kurang dari 50% jumlah SLT studio rekabentuk.
- 3.1.9 Nisbah antara pensyarah dan pelajar bagi Studio Rekabentuk telah ditetapkan dalam MAAP (2013: 24) dan PAID (2019: 23) iaitu antara 1:10 dan 1:15 bagi program Sarjana Muda Sains Senibina (LAM Bahagian I) dan Sarjana Muda Rekabentuk Dalaman, manakala tidak boleh melebihi 1:10 bagi program Sarjana Senibina (LAM Bahagian II) dan Studio Tahun Akhir bagi Sarjana Muda Rekabentuk Dalaman. Apa sahaja ketetapan SOP bagi pelaksanaan Studio Rekabentuk yang tidak melangkaui faktor nisbah ini akan diterima baik oleh MAPS.
- 3.1.10 Sesi kritik (*critique session* – istilah khusus dalam pendidikan senibina dan rekabentuk dalaman yang digunakan secara global; kerap diringkaskan menjadi ‘crit’ atau dalam Bahasa Malaysia sebagai ‘krit’) adalah sangat penting dalam pembelajaran studio rekabentuk. Krit adalah alat pedagogi dalam membimbing, menujah, memprovokasi, membahaskan dan seumpamanya dalam usaha memberi konsultasi serta membantu pelajar membentuk hasil rekabentuknya. Setiap permasalahan projek rekabentuk pelajar adalah unik dan sentiasa memerlukan kepada proses konsultasi individu dalam suasana kolaboratif. Para pensyarah studio mesti bersedia dengan pelbagai kerenah dan cabaran rekabentuk yang diperjuangkan oleh setiap individu pelajar.
- 3.1.11 Sesi krit ini juga boleh berubah menjadi platform penilaian dimana pada ketika proses rekabentuk berjalan sesi krit turut dijadikan alat **penilaian formatif**, manakala pada penghujung proses dan penghasilan produk rekabentuk pula sesi krit akan diubahsuai menjadi alat **penilaian sumatif**. Kesemua sesi krit merupakan salah satu aktiviti utama PdP bersemuka dalam studio rekabentuk yang mesti dimasukkan kira dalam GLT-F2F. PPS/PPD **tidak boleh bertolak ansur dalam hal yang membabitkan kedua-dua aspek penilaian formatif dan sumatif bagi Studio Rekabentuk.**

3.2 Mengutamakan Kelompok Kursus Rekabentuk

- 3.2.1 MAPS menggesa setiap PPS/PPD agar menyusun semula penyampaian pengajaran supaya input yang diperolehi dari kursus bukan-rekabentuk dapat didahulukan di awal semester sebelum sesuatu kursus rekabentuk yang ada kaitan dengannya dilaksanakan. Dalam keadaan yang sukar ini, mungkin integrasi antara kursus bukan-rekabentuk tidak dapat dilakukan secara terus (*direct*) tetapi adalah dianggap memadai sekiranya ia dapat dilaksanakan secara silang (*diagonal*). Sungguhpun begitu perlu diingatkan bahawa integrasi antara kursus bukan-rekabentuk dengan Studio Rekabentuk adalah sangat penting – oleh itu apa juga penyusunan semula yang dimaksudkan di sini mesti tidaklah sehingga menjejaskan PdP Studio Rekabentuk.

- 3.2.2 Dalam konteks yang dinyatakan dalam subperkara 3.1 dan 3.2.1, perlulah difahami bahawa dalam menyusun strategi dan penjadualan semula aktiviti PdP, maka keutamaan hendaklah diberikan kepada Studio Rekabentuk. Dalam kesemua hal, PPS/PPD tidak boleh sekali-kali mengeneipkan kursus teras Studio Rekabentuk ini dan ia mesti diutamakan dalam hal melindunginya dari sebarang kemudaratan.
- 3.2.3 Seandainya impak yang terbit dari tempoh pasca-PKP ini tidak dapat dibendung dan dijangka akan mendatangkan kesan yang memudaratkan ke atas program berkenaan, maka PPS/PPD mestilah memastikan kompromi berlaku ke atas kelompok kursus bukan-rekabentuk terlebih dahulu.

3.3 Pelaksanaan Studio Rekabentuk Sepanjang Tempoh Pasca-PKP

- 3.3.1 Kenyataan Media terkini oleh KPT bertarikh 27 Mei 2020 mengenai pengendalian aktiviti akademik di kampus semasa tempoh pasca-PKP dimana semua aktiviti PdP hendaklah dilaksanakan secara dalam talian dan tanpa bersemuka sehingga 31 Disember 2020 kecuali beberapa kategori pelajar menjadi asas penting Nota Khas MAPS #4-2020 ini.
- 3.3.2 Dalam konteks tempoh pasca-PKP yang dimaksudkan dalam subperkara 3.3.1, MAPS menegaskan kepada PPS/PPD supaya menyusun strategi dan keutamaan (*priority*) bagi memastikan pelaksanaan PdP dapat berjalan dengan lancar dan kekal berkualiti. Beberapa kriteria pelaksanaan dinyatakan di bawah ini untuk dijadikan rujukan dan panduan.

3.4 PdP Bersemuka bagi Studio Rekabentuk untuk Pelajar Tahun Akhir

- 3.4.1 Pengajian program khususnya bagi pelajar **Tahun Akhir** meletakkan penyeliaan dan penilaian berada pada tahap yang sangat penting lebih-lebih lagi dalam keadaan pelajar yang akan bergraduasi.
- 3.4.2 PdP bersemuka bagi studio rekabentuk (di kampus) untuk pelajar **Tahun Akhir** adalah satu instrumen pedagogi terpenting yang membabitkan perbincangan pelbagai hala secara intensif dan bersifat 3-dimensi menggunakan pelbagai medium fizikal (seperti model buatan tangan), ujian simulasi makmal, sesi kritik progresif, dan sebagainya melibatkan kumpulan pensyarah pelbagai kepakaran.
- 3.4.3 Pelajar **Tahun Akhir** (pelajar bergraduasi) ini perlu mampu menempuh cabaran pemikiran kreatif dan kritis aras tertinggi dalam lingkungan pembelajaran kompetitif **secara bersemuka** bagi ketiga-tiga program pengajian peringkat Sarjana Muda Sains Senibina (setara LAM Bahagian I), Sarjana Senibina (setara LAM Bahagian II) dan Sarjana Muda Rekabentuk Dalaman.
- 3.4.4 Sebelum mereka melepasi **tahun bergraduasi** ini dan menyertai dunia praktikal dan alam profesional -- kemahiran (*skills*), kecekapan (*efficiency*), kelasakan (*robustness*), dan ketahanan (*resilience*) mereka mesti diuji dengan rapi. Industri pembinaan tidak boleh dibebankan dengan penghasilan graduasi yang boleh mendatangkan risiko kepada bisnes di tempat kerja. Oleh itu aspek kerapian (*rigorousness*) dan kedalaman (*intensity*) intelektual pelajar menjadi tersangat penting.

3.4.5 Kemahiran dan aspek penting di atas hanya boleh diuji dengan jayanya melalui penelitian proses rekabentuk dari mula hingga akhir di studio rekabentuk, yang boleh menyediakan suasana kreativiti yang lasak (*robust*) melalui pembelajaran sebaya (*peer learning*), suasana berdaya saing (*competitiveness*), pembelajaran rentas (*cross learning*), dan penglibatan aktif serta interaktif para pensyarah serta pakar-pakar dalam bidang terpilih.

3.5 PdP Bersemuka bagi Studio Rekabentuk untuk Pelajar Tahun Pertama

3.5.1 PdP bersemuka dalam studio rekabentuk (di kampus) bagi pelajar **Tahun Pertama** (pelajar baharu) adalah satu instrumen pedagogi terpenting yang tidak mungkin dapat diambil alih oleh suasana pembelajaran dalam talian.

3.5.2 Pembelajaran tentang pengetahuan asas rekabentuk menggabungkan aspek afektif, kognitif dan psikomotor secara bersepadu dan serentak (*simultaneous*) menerusi pelaksanaan pelbagai tugas rekabentuk 2-hingga 3-dimensi. Arahan pengajaran dalam talian tidak boleh mengambil alih peranan membimbing dan membentuk kemahiran tangan (*hands-on skills*), kecekapan mata melihat (*seeing and visualization*), dan pembentukan deria pancaindera (*development of sensorial faculty*) dalam menyelami kejituan sesuatu keputusan dalam proses merekabentuk.

3.5.3 Membentuk dan menguasai kefahaman dan bahasa komunikasi asas dalam aspek rekabentuk dan senibina diperlukan terlebih dahulu bagi membolehkan sebarang komunikasi dalam talian kemudiannya boleh dilaksanakan dengan cekap dan lancar.

3.5.4 **Pelajar baharu** ini perlu dibimbing dalam suasana PdP bersemuka dalam Studio Rekabentuk di **Tahun Pertama** bagi program pengajian peringkat Sarjana Muda Sains Senibina (setara LAM Bahagian I) dan Sarjana Muda Rekabentuk Dalam.

3.6 PdP Bersemuka Studio Rekabentuk bagi Tahun Pertama program Sarjana Senibina (LAM Bahagian II)

3.6.1 Program pengajian senibina dilaksanakan secara dua peringkat profesional iaitu tahap setara dengan peperiksaan kelayakan profesional LAM Bahagian I (bagi program Sarjana Muda Sains Senibina) dan LAM Bahagian II (bagi program Sarjana Senibina). Subperkara 3.6 ini adalah khusus untuk program pengajian Sarjana Senibina (LAM Bahagian II -- program peringkat pascasiswazah secara kerja kursus bertaraf profesional).

3.6.2 Pembelajaran rekabentuk pada **Tahun Pertama** bagi program pengajian Sarjana Senibina (setara LAM Bahagian II) memerlukan pendekatan pembelajaran kolaboratif dan bukan lagi bersifat individu. Pelbagai isu dan masalah perumahan sosial dan perbandaran dibincangkan dan diteliti menerusi kajian tapak dan kajian lapangan yang kemudiannya dikongsi dan dibentang bersama di studio. Penglibatan dan input beberapa pakar dalam bidang khusus yang berkaitan mengukuhkan lagi proses pembelajaran. Skop isu, cabaran dan kekangan perancangan dan rekabentuk menjadi semakin luas meliputi wilayah petempatan dan

perbandaran. Suasana pembelajaran intensif peringkat pascasiswazah dan profesional yang sebegini mampu memberikan kejutan budaya kepada pelajar tentang kehendak, keperluan, etika dan profesionalisme ke arah memainkan peranan mereka sebagai bakal Arkitek kelak.

- 3.6.3 Pembelajaran bersemuka (di kampus) di Studio Rekabentuk yang dinyatakan dalam subperkara 3.6.2 adalah dimestikan bertujuan memberi peluang kepada **pelajar baharu di Tahun Pertama** ini meneroka cabaran pemikiran kreatif dan kritis aras tinggi dalam lingkungan pembelajaran berdaya saing yang menjadi tunjang kepada penghasilan projek perbandaran yang lestari dan bermanfaat tinggi kepada masyarakat, rakyat dan Negara.

3.7 Gred Keputusan Lulus/Gagal bagi Studio Rekabentuk

- 3.7.1 Autoriti dan kuasa Senat dalam menentukan apa yang terbaik untuk institusi/universiti masing-masing termasuklah dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta penilaian dan penggredan adalah sedia dimaklumi.
- 3.7.2 MAPS tiada halangan ke atas hasrat dan kebarangkalian institusi/universiti tertentu untuk melaksanakan sistem penggredan berdasarkan keputusan Lulus/Gagal sahaja.
- 3.7.3 Sekiranya subperkara 3.7.2 itu dilaksanakan, gred/markah Lulus mestilah ditetapkan tidak kurang dari 50% atau apa juga markah lulus yg ditetapkan oleh institusi/universiti berkenaan yang lebih tinggi dari 50%.
- 3.7.4 Sekiranya institusi/universiti melaksanakan subperkara 3.7.2 ke atas kursus Studio Rekabentuk, institusi/universiti dimestikan melaksanakan penarafan (*ranking*) ke atas hasil kerja pelajar berlandaskan kelompok pencapaian tertinggi (*top*), pertengahan (*middle*), dan lulus minimum (*lowest pass*) ke atas setiap hasil kerja pelajar dan menyimpan rekod penarafan ini bagi tujuan akreditasi kelak. Para pelajar semestinya dimaklumkan akan kedudukan dan pencapaian mereka seperti yang termaktub dalam Kriteria 3 dalam MAAP (2013) dan PAID (2019).

4.0 HALANGAN DARI MENGIKUTI STUDIO REKABENTUK SECARA F2F

- 4.1 Kerencaman suasana PdP dalam talian akibat dari pelbagai keadaan infrastruktur dan liputan internet di dalam atau luar negara telah mewujudkan jurang dan kelancaran capaian yang menjejaskan kesaksamaan akses khususnya dalam kalangan pelajar. Sebarang aktiviti PdP secara dalam talian menjadi terhalang dan terkekang sehingga menjejaskan kualiti PdP dan seterusnya sekiranya tidak dibendung ia akhirnya berkemungkinan akan menggugat prestasi pelajar dan juga kualiti program.
- 4.2 Berdasarkan subperkara 4.1, kursus Studio Rekabentuk di Tahun Pertama dan Tahun Akhir bagi ketiga-tiga program pengajian yang dinyatakan dalam Nota Khas ini khususnya aktiviti yang terangkum dalam komponen GLT tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian.
- 4.3 Sehubungan dengan subperkara 4.1, 4.2, dan 4.3 di atas bagi mana-mana pelajar yang menghadapi situasi sebegini (contoh: pelajar yang berhadapan

dengan sekatan perjalanan, pelajar tempatan yang berada di kawasan pendalaman, atau pelajar bukan-warganegara yang telah kembali ke negara masing-masing), maka adalah wajar mereka dinasihatkan supaya menangguh pengajian (*deferment*) bagi kursus Studio Rekabentuk pada semester berkenaan.

5.0 KEMUDAHAN PdP YANG BERKAITAN DENGAN STUDIO REKABENTUK

- 5.1 Kriteria 6 dalam MAAP (2013: 25-6) menyenaraikan pelbagai kemudahan dan peralatan bagi tujuan melengkapkan penyampaian silibus kepada para pelajar khususnya yang berkaitan dengan Studio Rekabentuk.
- 5.2 Berhubung dengan ketetapan dan panduan yang disampaikan dalam perkara 3.0, PPS/PPD diingatkan supaya turut menyediakan apa juga khidmat yang lazimnya disediakan dan dibekalkan kepada pelajar berdasarkan kepada keperluan yang dinyatakan dalam subperkara 5.1 (contoh: makmal komputer CAD, mesin pemotong laser, pencetak 3-dimensi, bengkel pertukangan, dan sebagainya).

6.0 KUAT KUASA PELAKSANAAN

- 6.1 Ketetapan dalam Nota Khas ini adalah berbentuk sementara dalam usaha membantu semua PPS/PPD yang terkait dengannya dan akan segera diberhentikan apabila tiba masa yang sesuai. Ia juga adalah satu bentuk mitigasi bagi mengelakkan sebarang kemungkinan kemudaratan ke atas kualiti pengajian dengan mengimbangkan antara kehendak keselamatan dan kesihatan serta keperluan pengajaran dan pembelajaran program profesional.
- 6.2 Nota Khas MAPS #4-2020 ini **berkuatkuasa bermula pada 1 Julai 2020** ke atas semua program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan atau diakreditasi oleh LAM dan kekal terpakai sepanjang tempoh pasca-PKP hinggalah ke suatu masa di mana keadaan penularan wabak COVID-19 menjadi reda dan terkawal sepenuhnya.
- 6.3 Kuatkuasa Nota Khas MAPS #4-2020 ini boleh diberikan pengecualian ke atas kumpulan pelajar yang masih mengikuti pengajian semester 2 sesi 2019/20 melepasi tarikh 1 Julai 2020 di PPS/PPD yang berkenaan. Walau bagaimanapun MAPS menyerahkan kepada budi bicara PPS/PPD berkenaan dalam melaksanakan ketetapan Nota Khas MAPS #4-2020 ini ke atas kumpulan pelajar yang dimaksudkan ini.
- 6.4 MAPS akan mengeluarkan satu notis khas bagi mengumumkan tarikh tamatnya kuatkuasa Nota Khas MAPS #4-2020 ini.
- 6.5 Rumusan dan ringkasan kepada Nota Khas MAPS #4-2020 ini disertakan dalam satu mukasurat sebagai Lampiran 1.

**Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia
LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

1 Jun 2020 (Isnin)

LAMPIRAN 1:**Rumusan dan Ringkasan Pelaksanaan Aktiviti PdP untuk Studio Rekabentuk bagi program Senibina dan Rekabentuk Dalam:**

- Kategori ketetapan: Arahan dan panduan wajib
- Tarikh mula kuatkuasa: 1 Julai 2020 (pengecualian ke atas kumpulan pelajar yang masih mengikuti pengajian semester 2 sesi 2019/20)
- Tarikh tamat kuatkuasa: (akan dimaklum kemudian)
- Program yang terlibat: Sarjana Muda Sains Senibina (LAM Bahagian I), Sarjana Muda Rekabentuk Dalam, dan Sarjana Senibina (LAM Bahagian II)
- Komponen program yang terlibat secara langsung: Kursus Studio Rekabentuk Tahun 1 (pelajar baharu) dan Tahun Akhir (pelajar bergraduat)
- Komponen program yang terlibat secara tidak langsung: Kemudahan dan kelengkapan PdP yang berhubung kait dengan Studio Rekabentuk
- Keterlibatan pelajar: Wajib hadir secara F2F dalam Studio Rekabentuk yang ditetapkan dalam Nota Khas MAPS #4-2020 ini

Ruj	Tahun/Semester	Program	Ketetapan dan Panduan Khusus	Ketetapan dan Panduan Umum
1a.	Tahun Pertama • pelajar baharu	Sarjana Muda Sains Senibina (LAM Bahagian I) & Sarjana Muda Rekabentuk Dalam	i. Keperluan integrasi antara kursus grafik, komunikasi, CAD dan yang seumpamanya (kursus bukan-rekabentuk) dan studio rekabentuk tidak ditangguh pelaksanaannya.	Untuk Sarjana Muda Sains Senibina (LAM Bahagian I) dan Sarjana Muda Rekabentuk Dalam: a. Jumlah jam pembelajaran berpandu (GLT) studio rekabentuk mesti tidak kurang dari 60% jumlah SLT. b. Mendahulukan aktiviti PdP tanpa pendekatan bersepadu domain psikomotor, afektif, dan kognitif yang membolehkan ia dilaksanakan secara dalam talian. c. Memberikan pelajar projek di lokasi yang boleh mengurangkan pergerakan rentas daerah. d. Sekiranya tapak projek di luar kampus menyumbang kesukaran dalam mematuhi SOP, projek yang diperkenalkan perlulah dibekalkan dengan maklumat latar yang mencukupi. e. Pembentangan lisan dan visual projek rekabentuk secara F2F perlu dilaksanakan sebagaimana lazim. f. Memastikan penilaian formatif dan summatif mematuhi standard minimum yang ditetapkan (MAAP,2013; PAID, 2019).
1b.	Tahun Akhir: • pelajar bergraduat		i. Penilaian mesti bersifat komprehensif mengambilkira pelbagai aspek teknikal dan kesenibinaan. Pelajar mesti diberi peluang untuk mempertahankan rekabentuk yang dihasilkan. ii. Pembentangan lisan dan visual projek rekabentuk secara F2F perlu dilaksanakan sebagaimana lazim yang turut membabitkan khidmat pakar dan profesional.	
2a.	Tahun Pertama • pelajar baharu	Sarjana Senibina (LAM Bahagian II)	i. Mendahulukan projek studio rekabentuk yang meletakkan kerja berkolaborasi yang intensif ke semester ini. ii. Memberikan pelajar projek yang berkonteks mencabar seperti di kawasan berkepadatan tinggi atau perbandaran. iii. Keperluan integrasi antara kursus berbentuk teori dan falsafah yang mengiringi studio rekabentuk tidak boleh ditangguh.	Untuk Sarjana Senibina (LAM Bahagian II): a. Jumlah jam pembelajaran berpandu studio (GLT) rekabentuk tidak kurang dari 50% jumlah SLT. b. Pembentangan lisan secara F2F projek rekabentuk perlu dilaksanakan sebagaimana lazim yang turut membabitkan khidmat pakar dan profesional. c. Memberikan konsultasi yang rapi dan berkala secara intensif dalam tempoh masa yang dipadatkan (<i>compressed studio times</i>). d. Memastikan penilaian formatif dan summatif mematuhi standard minimum yang ditetapkan (MAAP, 2013).
2b.	Tahun Akhir • pelajar bergraduat		i. Sebelum bergraduat -- kemahiran (<i>skills</i>), kecekapan (<i>efficiency</i>), kelasakan (<i>robustness</i>), dan ketahanan (<i>resilience</i>) mereka mesti diuji dengan rapi. Industri menjangkakan <i>market-ready graduate</i> , maka dengan itu aspek kerapian (<i>rigorousness</i>) dan kedalaman (<i>intensity</i>) intelektual pelajar menjadi sangat penting.	